



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR


KURSUS	:	PENGAJIAN MALAYSIA
KOD KURSUS	:	MPU1013
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. BAHAGIAN C jawap **SATU (1)** soalan sahaja.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A [20 MARKAH]**SOALAN ANEKA PILIHAN**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Berdasarkan pernyataan di bawah, keempat-empat jawatan berkenaan merujuk kepada

Bendahara Penghulu Bendahari Temenggung Laksamana
--

- A. pembesar utama di Melaka.
B. pahlawan Melaka.
C. pembesar utama Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
D. golongan bangsawan di Melaka.
2. Kerajaan Melayu Johor terlibat dalam Perang Tiga Segi antara Aceh dan Portugis untuk menawan Melaka. Perang Tiga Segi ini berlarutan selama 100 tahun. Walau bagaimanapun Melaka berjaya dikalahkan pada tahun 1641. Kuasa manakah yang berjaya menawan Melaka pada tahun tersebut?
- A. Aceh
B. Johor
C. Belanda
D. Inggeris
3. Perjanjian ini telah membawa akibat kepada pengenalan Sistem Residen di Tanah Melayu. Sultan hanya berkuasa dalam hal ehwal adat istiadat dan agama Islam sahaja. Apakah nama perjanjian tersebut?
- A. Perjanjian Burney.
B. Perjanjian Inggeris-Belanda.
C. Perjanjian London.
D. Perjanjian Pangkor.

4. Pulau Pinang, Melaka dan Singapura merupakan Presidensi Keempat yang ditadbirkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris yang berpangkalan di India. Tiga buah negeri ini telah digabungkan dalam satu unit pentadbiran yang dinamakan
- A. Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
 - B. Negeri-negeri Selat.
 - C. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.
 - D. Kesatuan Malaya.
5. Ibrahim Yaakub merupakan salah seorang nasionalis Melayu yang mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Apakah nama pertubuhan yang dipelopori oleh Ibrahim Yaakub?
- A. Parti Komunis Malaya (PKM)
 - B. Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
 - C. Angkatan Pemuda Insaf (API)
 - D. Kesatuan Melayu Muda (KMM)
6. Rundingan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah berlangsung pada tahun 1956 di London antara Kerajaan British dan Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Sebuah suruhanjaya telah dibentuk oleh kerajaan British bagi melaksanakan kajian ke atas tuntutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya tersebut dinamakan
- A. Suruhanjaya Cobbold.
 - B. Suruhanjaya Kemerdekaan.
 - C. Suruhanjaya Briggs.
 - D. Suruhanjaya Reid.

7. Yang manakah berikut ditakrifkan oleh Parlimen sebagai perkara-perkara sensitif?
- A. Hak istimewa orang Melayu, hal-hal kerakyatan, bahasa kebangsaan, kedudukan raja dan keagungan Parlimen.
 - B. Kedudukan raja, kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, hal-hal kerakyatan, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi dan hak istimewa orang Melayu.
 - C. Kedudukan raja, ketertinggian undang-undang, hak istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
 - D. Hak istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, kedudukan raja, ketinggian undang-undang, bahasa kebangsaan dan keagungan Parlimen.
8. Perkara mengenai Undang-undang Islam, tanah pertanian, perhutanan dan perlombongan terletak di bawah bidang kuasa
- A. Kerajaan Persekutuan.
 - B. Kerajaan Negeri.
 - C. Parlimen.
 - D. Pejabat Daerah.
9. Alatan muzik yang digunakan oleh seni muzik ini ialah biola, tabla, gambus dan harmonium. Seni muzik ini popular di negeri Johor. Seni muzik yang dimaksudkan ialah
- A. Ghazal.
 - B. Nobat.
 - C. Zapin.
 - D. Hadrah.

10. Dasar Kebudayaan Kebangsaan diwujudkan berasaskan tiga prinsip utama, iaitu
- i. — kebudayaan rakyat asal rantau Melayu.
 - ii. kebudayaan lain yang wajar dan sesuai diterima.
 - iii. kebudayaan antarabangsa yang logik.
 - iv. Islam sebagai unsur yang paling penting.
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, ii dan iv
D. Semua di atas
11. Agensi Dadah Kebangsaan terletak di bawah
- A. Kementerian Pertahanan.
 - B. Kementerian Luar Negeri.
 - C. Kementerian Dalam Negeri.
 - D. Kementerian Kesihatan.
12. Bagi menjayakan pelaksanaan 1Malaysia, semua rakyat haruslah terbela dan tiada mana-mana pihak yang dipinggirkan. Tindakan ini mesti mengambil kira taraf kemajuan setiap kaum. Teras ini merujuk kepada teras
- A. penerimaan.
 - B. kenegaraan.
 - C. keadilan sosial.
 - D. keagamaan.

- Memantapkan program latihan kemahiran IKBN dengan menyediakan modul yang membolehkan belia belajar secara berterusan.
- Meneruskan latihan teknikal sedia ada.
- Mewujudkan pengkhususan untuk setiap IKBN.
- Meningkatkan kerjasama antara jabatan yang terlibat dengan pembangunan belia.

13. Pernyataan di atas merujuk kepada strategi pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Belia, iaitu

- A. Teras Pembangunan Ekonomi.
- B. Teras Pembangunan Sumber Manusia.
- C. Teras Pembangunan Sosial.
- D. Teras Peranan Media dan Komunikasi.

14. Objektif _____ adalah untuk memacu ekonomi berdasarkan faktor dalam negara dan memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk kejayaan antarabangsa dengan mewujudkan persekitaran yang sihat untuk menjayakan pertumbuhan ekonomi.

- A. Rancangan Malaysia Ketujuh
- B. Rancangan Malaysia Kelapan
- C. Rancangan Malaysia Kesembilan
- D. Rancangan Malaysia Kespuluh

15. "Semasa pemerintahan X dasar luar menekankan kepada kerjasama pertahanan dan keselamatan negara". X yang dimaksudkan ialah

- A. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.
- B. Tun Abdul Razak Hussein.
- C. Tun Hussein Onn.
- D. Tun Dr. Mahathir Mohamad.

16. "Bermatlamat untuk mewujudkan kerjasama antara semua negara Islam dalam pelbagai bidang". Objektif tersebut ada kaitanya dengan pertubuhan
- A. ASEAN.
 - B. OIC.
 - C. NAM.
 - D. PBB.
17. Kementerian yang bertanggungjawab menjalankan hubungan luar Malaysia ialah
- A. Kementerian Pertahanan.
 - B. Kementerian Luar Negeri.
 - C. Kementerian Dalam Negeri.
 - D. Kementerian Kewangan.
18. Antara yang berikut yang manakah TIDAK BENAR mengenai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A. Prinsip PBB adalah untuk menjamin kedaulatan dan hak semua negara anggota.
 - B. PBB bermatlamat mewujudkan sebuah masyarakat dunia yang aman.
 - C. Tindakan PBB perlu berlandaskan arahan daripada Amerika Syarikat.
 - D. PBB memainkan peranan penting dalam Perhimpunan Agung PBB dan Majlis Keselamatan.

19. Berikut adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, iaitu

- i. Islam ialah agama Persekutuan.
- ii. Raja/Sultan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.
- iii. Yang di-Petuan Agong sebagai ketua agama Islam di Wilayah Persekutuan.
- iv. Parlimen berhak menubuhkan sebuah Majlis Agama bagi menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai hal ehwal Islam.

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, ii dan iv
- D. Semua di atas

20. Bukti kukuh yang menunjukkan Malaysia sebuah negara Islam ialah

- A. Islam telah dianuti sejak zaman Kesultanan Melaka lagi.
- B. orang Melayu di Malaysia beragama Islam.
- C. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
- D. Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama Islam.

BAHAGIAN B [60 MARKAH]**SOALAN STRUKTUR**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Badan Perundangan yang terdiri daripada Parlimen merupakan satu daripada komponen pentadbiran negara.
 - a) Senaraikan **tiga (3)** komponen Parlimen.

(3 Markah)
 - b) Nyatakan **empat (4)** daripada fungsi utama Parlimen.

(4 Markah)
 - c) Berikan **tiga (3)** sebab seseorang wakil rakyat boleh kehilangan kelayakan mereka sebagai ahli Parlimen.

(3 Markah)

2. Isu kewarganegaraan adalah isu sensitif yang tidak boleh dibincangkan secara terbuka.
 - a) Terangkan **empat (4)** cara seseorang boleh menjadi warganegara Malaysia.


(4 Markah)
 - b) Kewarganegaraan seseorang boleh dilucutkan jika disabit dengan kesalahan-kesalahan tertentu. Nyatakan **tiga (3)** kesalahan yang membolehkan kewarganegaraan seseorang warganegara itu dilucutkan.

(3 Markah)
 - c) Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan tanggungjawab anda terhadap negara anda.

(3 Markah)

3. Masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.
- a) Jelaskan maksud masyarakat majmuk.
(2 Markah)
 - b) Senaraikan **tiga (3)** kaum utama di Malaysia.
(3 Markah)
 - c) Nyatakan ciri-ciri masyarakat majmuk di Malaysia.
(5 Markah)
4. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1971.
- a) Nyatakan **dua (2)** matlamat DEB.
(2 Markah)
 - b) Terangkan **empat (4)** sebab berlakunya kemiskinan di negara kita.
(4 Markah)
 - c) Kenal pasti usaha-usaha yang telah dipraktikkan oleh kerajaan di bawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan di Malaysia.
(4 Markah)
5. Modal Insan yang berkualiti akan dapat membangunkan negara pada masa depan.
- a) Jelaskan definisi Modal Insan.
(2 Markah)
 - b) Nyatakan **tiga (3)** kepentingan Modal Insan dalam konteks Malaysia.
(3 Markah)
 - c) Kenal pasti **lima (5)** langkah yang boleh diambil bagi melahirkan modal insan berkualiti di Malaysia.
(5 Markah)

6. Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, agama dan kepercayaan tetapi berjaya mengekalkan perpaduan antara kaum.



- a) Nyatakan dua(2) jenis perayaan yang boleh dikaitkan dengan gambar di atas.
(2 Markah)
- b) Huraikan peranan agama kepada setiap manusia.
(4 Markah)
- c) Terangkan bentuk-bentuk toleransi agama yang diamalkan di Malaysia.
(4 Markah)

BAHAGIAN C [20 MARKAH]**SOALAN ESEI**

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

SOALAN 1

Pendidikan sebagai alat untuk mencapai perpaduan kaum di Malaysia di samping melahirkan insan yang berilmu, berakhlak, seimbang dan harmonis demi menapai kesejahteraan negara.

Bincangkan sejauh manakah sistem pendidikan di negara kita dapat meningkatkan interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di Malaysia.

(20 Markah)

SOALAN 2

Rukun Negara merupakan ideologi negara yang tercipta ekoran berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

Huraikan **lima (5)** prinsip utama dalam Rukun Negara dan matlamat Rukun Negara diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

(20 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

